



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 29

RABU 22HB JULAI, 1981.

1401 رابو 20 رمضان

PERCHUMA

Lebeh 400 di-korniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei



Kempen Merachun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian mengingatkan orang ramai, terutama kaum tani bahawa pehak jabatan tersebut akan meneruskan kempen merachun babi hutan.

Semalam, kakitangan tersebut berada di-Kampung Mata2, Daerah Brunei/Muara untuk tujuan yang sama. Petani2 ada-lah di-minta memberikan kerjasama dengan membekalkan ubi kayu sebagai tempat meletakkan rachun itu.

Ping-Pong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Ping-Pong sempena sambutan ulang tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Ke-35 bagi Daerah Brunei/Muara di-jangka akan di-adakan bulan depan.

Borang penyertaan perlawanan boleh di-dapati dari sekurang di-Pejabat Pendidikan Jasmani, Jabatan Pelajaran di-ibu negeri.

Lesen atau ujian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dari Jabatan Pengangkutan Darat berada di-Daerah Temburong sa-lama tiga hari mulai semalam. Sementara itu, lawatan-nya ka-Daerah Tutong di-tunda kepada hari Sabtu 25hb. Julai, 1981. Mereka yang ingin membaharui lesen2 atau menjalani ujian memandu boleh menghugungi pegawai2 jabatan tersebut di-Pejabat Daerah berkenaan sa-masa pejabat di-buka.

DYMM

hantar
kawat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada ahad lepas telah berutusan menghantar kawat penghantar kepada Yang Amat Berhormat Datuk Dr. Mahathir Mohamad di-atas perlantikan-nya sa-bagai Perdana Menteri Malaysia yang

Di-samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menghantar kawat penghantar kepada Yang Amat Berhormat Tun Hussein bin Dato Onn, Perdana persaraan-nya.

Iman

IMAN r.a. menceritakan: "Saya pernah berjumpa dengan Rasulullah SAW. Beliau tuah sudi melawat ke sini menjadi pemimpin di-wilayah? Mendengar itu Baginda pun tersenyum bahu saya lalu berbisik: 'Wahai Abu Zar! Engkau seorang yang lemah. Sa-sungguh-nya jawatan pemerintah di-wilayah ini suatu amanah yang berat, dan ia akan menuntut kehidupan serta penyertaan pada hari kiamat. Berhenti-lah siapa yang menjawab-nya itu. Mengatakan-nya menurut yang hak serta menunaikan tanggung-jawab-nya dengan betul.' — HADITH Nabi di-riwayat-kan oleh Muslim.

Amaran kepada peniaga2

SEMUA pekedai2 di-seluruh Negeri Brunei ada-lah dengan ini di-nasehatkan supaya tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga2 barang makanan dan lain2 keperluan tanpa sebab2 yang munasabah di-dalam masa Bulan Puasa dan menjelang Hari Raya ini nanti. Mereka ada-lah juga di-nasehatkan supaya mendapatkan bekalan2 yang mencukupi bagi memenuhi permintaan di-musim perayaan ini. Pegawai2 dari bahagian Kawalan Harga akan sentiasa keluar melakukan pemeriksaan bagi memastikan bahawa barang2 itu ada-lah di-jual dengan harga2 yang berpatutan dan tanda2 harga yang betul di-tunjukkan.

Sa-siapa jua yang mendapati harga2 barang telah di-naikkan melebihi dari harga2 yang sa-patut-nya hendak-lah melaporkan kepada Pengawal Harga, nombor talipon 25555, Yunit Perancang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei atau kepada pegawai2 yang berikut: — Pengerusi Lembaga Bandar, B.S.B. Pengerusi Lembaga Bandar, Kuala Belait Pegawai Daerah, Tutong Pegawai Daerah, Temburong.

Orang ramai ada-lah juga di-nasehatkan sa-berapa yang boleh akan dapat membeli barang2 keperluan mereka awal2 lagi demi untuk mengelakkan kesibokan di-dalam masa beberapa hari sahaja lagi menjelang Hari Raya Puasa.

Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib telah di-lantik menjadi Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik Brunei.



Dato Setia Awang Abdul Rahman

Dato Setia Awang Abdul Rahman telah kembali katanah ayer pada 16hb. Julai lepas sa-telah berada di-United Kingdom untuk menghadiri kursus perkhidmatan luar negeri di-Oxford Universiti sa-lama satu tahun. Beliau telah bertolak meninggalkan negeri ini pada bulan September tahun lepas.

Sa-masa menjalani kursus, beliau telah mengikuti berbagai matapelajaran utama ia-itu Undang2 Antarabangsa serta Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa, Politik Antarabangsa sa-lain berkesempatan mengikuti berbagai kursus yang meliputi perkara2 yang berhubungan dengan Diplomasi, Penghuraian Politik dan Hal Ehwal Semasa.

Di-samping menjalani kursus di-Oxford Universiti, Dato Setia Awang Abdul Rahman juga berkesempatan melawat dan memerhati pentadbiran di-

Kementerian Perdagangan, Jabatan Luar dan Komanwel, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam, Sharikat Penerbangan British di-Britain dan juga Pertubuhan2 Antarabangsa seperti EEC, NATO, GATT dan beberapa surohanjaya serta kedutaan British di-seberang laut.

Sa-lain Dato Setia Awang Abdul Rahman, sa-orang lagi pegawai kanan Ke-

rajaan Brunei yang pada masa ini bertugas di-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-London, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud juga telah mengikuti kursus yang sa-rupa.

Kursus tersebut telah juga di-hadiri oleh para diplomat dari 20 buah negeri yang mana antara-nya termasuklah Jepun, Korea, Thailand dan Oman.

Jangan beragama sa-takat majlis-majlis — KPP

BERAKAS. — Konsep beragama bukan-lah ta-takat perayaan atau pun majlis-majlis sahaja malah ia meliputi semua babak penghidupan di-luar dan di-dalam rumah, di-tempat kerja dan di-mana2, sama ada sa-chara perseorangan, masyarakat, perengkat kampung, mukim, daerah dan negeri.

Hal ini telah di-tegaskan

lagi oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarang Haji Othman sa-waktu berucap merasmikan sambutan Nuzul Al-Kor'an anjuran pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Awam di-sini pada hari Sabtu lepas.

Menurut-nya, ada-lah tidak kena dan mengang-nya

tidak betul jika ugama dan hal ehwal keugamaan hanya di-ketarakkan atau memberi-nya fungsi 'ceremonial' sahaja. Fungsi yang sa-demikian itu katanya tidak sa-laras dengan hasrat negara menjadikan Islam itu satu chara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Lihat muka 18



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
HASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

22HB JULAI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

RAMADHAN DI-MERIAHKAN DENGAN BERBAGAI IBADAT

DALAM keluaran minggu ini, kita chuba mengabdikan beberapa kegiatan di-sepanjang bulan Ramadhan yang mulia lagi berkat ini dari sudut berbagai usaha yang berkebaikan dan merupakan ibadat yang dilaksanakan oleh Umat Islam di-sepanjang bulan ini.

Orang2 kita di-Brunei, apa lagi yang beragama Islam mengalu-alukan sa-tiap tiba-nya bulan Ramadhan dengan perasaan kegembiraan kerana di-bulan itu sa-olah2 bulan pendorong yang tiada dapat di-bendong untuk memenohi peribadatan sa-takat mana yang terdaya.

Keadaan Ramadhan di-Brunei juga melahirkan pertukaran suasana yang ketara di-kedai2 penjamu selera dalam mana kelengkapan berlaku di-sana sini. Orang2 bukan Islam sa-olah2 menampakkan semangat mereka pada menghormati bulan kebanggaan Umat Islam itu berikutan dengan berkurangnya kunjungan mereka di-kedai2 penjamu selera. Orang2 bukan Islam ini juga turut bersebok2, terutamanya pekedai2 untuk menyediakan berbagai jenis ramuan2 makanan dan kueh-mueh sama ada untuk persediaan pesungkaian harian mahupun sa-bagai persediaan menyambut Hari Raya yang tidak lama lagi akan menjelang itu. Mereka turut sama sebok mendatangkan alat2 perhiasan rumah dan pemborong2 juga sebok di-tempah ka-sana kemari sama ada untuk mengusai rumah, memperbaiki yang rosak mahupun mengubah-suai suasana rumah dengan benaan2 perhiasan. Biasa-nya mereka memang-lah menerima keuntungan dari segi kerjanya sa-bagai satu pehak, tetapi di-pehak pembeli dan penempah, menekmati satu kesegaran dan keselesaan yang sa-tentu-nya menimbulkan kepuasan. Demikian-lah kesebokan yang biasa-nya terdapat di-bulan ini.

Ramadhan tahun ini agak meriah dari tahun2 yang sudah pada sebelah malam-nya apabila ramai muda-belia lebih menumpukan minat untuk mengikuti dan sama2 bersembahyang tarawikh dan bertadarus di-rumah2, surau2 dan masjid2. Penuntut2 Maktab S.O.A.S. telah mengadakan rombongan2 bertadarus yang mana langkah pelajar2 sa-umpama ini patut di-chontohi oleh pelajar2 di-institusi pendidikan yang lain di-negeri ini. Di-ketahui juga bahawa ada terdapat Ketua Kampung mengulukan anak buah-nya berkunjung dari rumah ka-rumah untuk bertadarus di-sekitar kampung-nya ada-lah usaha yang amat baik. Langkah ini bukan saja kerana memeriahkan suasana Ramadhan, tetapi di-sudut yang lain ada-lah juga dapat menimbulkan banyak sudut kebaikan dalam hal ehwal berkampung-halaman. Ketua Kampung yang membuat inisiatif begini harus benar di-sambut baik terutama dari kalangan anak buah-nya.

Perkara lain ia-lah kegiatan berjual2an berbagai macham bahan pesungkaian. Semakin ramai saudara2 kita turut sama berkecimpung dalam kegiatan ini. Ini ada-lah satu keadaan yang sungguh menggembarakan dalam mana sekurang2-nya menunjukkan bahawa kesedaran berusaha-niaga itu semakin membesar walau pun hanya sa-kadar menjual kueh-mueh. Apa yang di-harapkan ia-lah kepatutan dari segi harga-nya dan biar-lah ia-nya di-perlakukan dengan tidak sa-chara berlebeh2an dan akan termasuk sa-bagai ibadat yang berpahala.

SA-SUNGGOH-NYA achara sambutan saperti ini dapat mengukuhkan lagi semangat keagamaan kita terutama dari segi melibatkan diri dalam usaha men-she'arkan ugama yang mana hal itu sudah menjadi dasar Kerajaan kita ia-itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Dan sa-sungguh-nya mengenai hasrat kita dan hasrat Kerajaan terhadap ugama dalam erti kata menjadikan-nya chara hidup yang lengkap di-negeri ini ada-lah sudah merupakan 'declared policy' yang tidak harus di-ragukan lagi. Maka dalam hubungan ini jua usaha dan ikhtiar pada merealisasikan hasrat itu sangat-lah di-alu-alukan dan bahkan amat penting senantiasia di-ketarakkan oleh sa-tiap individu Muslim.

WAHYU

Nuzul Al-Kor'an sa-memangnya suatu peristiwa yang sangat bersempena atau bersejarah dalam ugama kita. Penerimaan wahyu oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. tidak sahaja mempunyai significant dari segi hubungan Allah s.w.t. dengan Rasulullah s.a.w. dengan Rasul-Nya bahkan lebih significant lagi ia-lah dari segi pimpinan2, arahan2, penetapan2 nilai tentang buruk baik dan pernyataan tentang kemuliaan darjat manusia di-sisi lain2 makhluk Allah. Asas2 sa-demikian itu-lah pada umom-nya yang menjadi intisari Al-Kor'an yang mana sejak berkurun-kurun sa-hingga ka-zaman kita ini ia telah memberi sumbangan kepada tamadun sa-bahagian umat manusia dan ia-nya sendiri mendapat tempat-nya yang wajar dalam selok belok kehidupan penganut2 ajaran Islam. Dan alhamdulillah, kita di-negeri ini pun telah dan sedang mendapat rahmat serta berkat Al-Kor'an itu, sekurang2-nya dengan membacanya kita mendapat pahala; dengan mengadakan peraduan2 membacanya kita dapat pula mithal-nya mengetahui dan menekmati chara bacahan yang baik; dan malam ini dengan memperingati sejarah Nuzul-nya kita dapat pula berkumpul dan beramah mesra satu sama lain.

KONSEP

Dalam pada itu ada-lah penting pula di-ingat bahawa chara beragama itu bukan-lah sa-takat 'ceremonial' atau perayaan2 atau yang berchorak 'majlis-majlis'. Sebab konsep beragama itu bagi kita orang2 Islam ia-lah meliputi sa-genap kehidupan di-luar dan di-dalam rumah, di-tempat kerja dan di-mana2 jua, sa-chara perseccrangan dan mashaarakat, sa-chara kampung, mukim, daerah dan negeri. Dalam erti kata yang sa-

Ugama chara hidup:

BETULKAN FAHAMAN

UCHAPAN Ketua Pegawai Penerangan, merasmikan Majlis Sambutan Nuzul Al-Kor'an anjoran Jabatan Penerbangan Awam, Sabtu 18hb Julai 1981.



Awang Haji Badaruddin

demikian tentu-lah tidak kena dan memang-nya tidak betul apabila ugama dan hal ehwal keagamaan itu di-ketarakkan atau di-keraskan hanya dalam sempena2 dan majlis2 — yang mana itu sa-takat memberi-nya fungsi 'ceremonial'. Saya perchaya saudara saudari sekalian sedia menyedari bahawa kehidupan kita tidak-lah sa-takat 'majlis-majlis' sahaja, yakni kehidupan kita sa-lengkap-nya lebih dari chuma perkara2 yang bersifat ceremonial. Maka kerana itu dalam hasrat menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap tentu-lah tidak padan apabila kita atau mana2 orang berfahaman dan memberi fahaman yang ugama itu di-ketarakkan dengan jelas-nya dan di-kuatkan sa-takat 'majlis-majlis' sedangkan dalam babak2 lain dari seluroh sudut

penghidupan, kelihatan pula ugama itu saperti timbul tengelam-nya pontong2 kayu di-hanyutkan oleh arus ayer yang pasang surut dengan serba kemungkinan di-landa ombak.

RISTAAN

Hal dan keadaan saperti itu-lah yang mesti kita elakkan. Hasrat berchara hidupan dengan chara Islam akan tinggal jadi sebutan dan ristaan sa-andai-nya 'trend' mengketarakkan ugama sa-takat 'majlis-majlis' atau perayaan2 itu tidak segera di-betulkan. Kita dan keturunan kita akan kechewa hampa apabila unsur2 keIslaman yang menjadi teras dan tonggak negeri ini perlahan2 pudar dengan sebab kelengahan dan kechuaian kita sendiri, sedangkan hal itu tidak patut sama sekali berlaku untuk mengelakkan suatu trajidi bangsa dan negeri di-masa hadapan.

BERTERUSAN

Dalam pada itu saya perchaya saudara saudari sedia berkeyakinan bahawa dengan usaha yang sunggo2 dan berterusan yang di-jelmakan oleh Kerajaan kita ia-itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam bidang2 pelajaran dan pengembangan ugama, insha Allah kita maseh boleh menaruh harapan terhadap kegemilangan masa depan. Dan dengan fahaman yang betul terhadap chita2 keagamaan yang sudah merupakan 'declared policy'

dalam dasar Kerajaan kita maka sama2-lah kita berharap fahaman atau sikap beragama sa-takat 'ceremonial' itu akan perlahan2 di-insafi sa-bagai tidak menguntungkan kita dan tidak menjamin kepentingan kita sa-lain akan menguntungkan dan menjamin kepentingan orang lain yang memang tidak berminat terhadap chita2 keagamaan negeri ini.

BETULKAN

Umat Islam di-negeri ini hendak-lah membetulkan fahaman beragama dalam mendokong hasrat menjadi Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap. Adalah tidak padan dengan hasrat tersebut dan memang-nya tidak betul sa-kira-nya ugama itu di-fahamkan sa-takat berfungsi sa-chara perayaan2 atau 'ceremonial' sahaja. Hal ini penting di-sedari bagi menjamin pencapaian hasrat dan dasar Kerajaan Kebawah DYMM paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap di-negeri ini.

Jika fahaman fungsi ugama sa-takat berupa perayaan2 atau majlis-majlis itu berterusan dan tersebar luas maka di-khuatiri ia akan menjejaskan kepentingan masa depan negara yang sa-panjang sejarah-nya berteraskan Islam; dan fahaman tersebut hanya akan menguntungkan orang2 yang sa-memangnya tidak berminat terhadap hasrat menjadikan Islam sa-bagai chara hidup itu.

"Sesungguh-nya mengenai hasrat kita dan hasrat Kerajaan terhadap ugama dalam ertikata menjadikan-nya satu chara hidup yang lengkap di-negeri ini ada-lah sudah merupakan 'declared policy' yang tidak harus di-ragukan"

Senarai2 penerima pingat

Darjah Setia Negara
Brunei Yang Amat
Bahgia Darjah Ke-empat
— P.S.B.

Md Shariff bin Ismail,
Jele Anak Jimbun, WO I
P L Handley-Greaves, WO
I A T Nanovo, WO I H V
Fuller, WO I Yusof bin
Hussin, PJK, WO II A F
Rogers, WO II Abd Rah-
man bin Haji Maidin, WO
II Saidil bin Muslim,
S/Sgt Gunong bin Man-
ok, WO II Md Said bin
Ahmad @ Mohammad,
PJK, WO II Razak bin
Tengah, WO II Yakop bin
Sapar.

WO II Sabtu bin Samat,
PJK, S/Sgt Siadi bin Os-
man, S/Sgt Pengiran Abu
Bakar bin Pengiran Sulai-
man, S/Sgt Pengiran Zaini
bin Pengiran Hitam, S/Sgt
Zinin bin Hidup, Sgt La-
mat bin Karim.

Pingat Jasa Kebaktian —
P.J.K.

WO II Abdul Razak
bin Tengah, Dayang Mai-
salamah binte Awang Ta-
hir, Hajjah Dayang Mo-
nah binte Kalas @ Hajjah
Dayang Maimunah binte
Abdullah, Dayang Kumit
binte Awang Hitam, Da-
yang Damit binte Awang
Mohd Tahir, Awang Mo-
hammad Ali bin Abdul-
lah, Dayang Ng Yuk,
S/Sgt Johari bin Timbang,
Sgt Safar bin Badau.

Pingat Indah Kerja Baik
— P.I.K.B.

S/Sgt Pengiran Ahmad
bin Pengiran Matusop, Sgt
T W Sparks, Sgt Jumad
bin Jaafar, Sgt Kamis
alias Ariffin bin Tengah,
Sgt Awang Ahmad bin
Mohd. Yusof, Sgt Tamit
bin Abd. Kadir, Sgt Abd.
Hamid bin Bubong, Sgt
Alias bin Jeenoh, Sgt La-
mit bin Jamudin, PHBS,
PJK, Cpl Mirussin bin
Ahmad, Cpl Awang Bu-
jang bin Ahmad, L/Cpl
Pengiran Tajuddin bin
Pengiran Omar, Awang
Mohammad bin Hussain
Alsagoff, Awang Idris bin
Ramli, Dayang Tabari
Anak Unji, Dayang Lee
Kiak Pon, Dayang Chee
Cheong Yin, Dayang Lee
Siew Hong, Dayang Teh

Siew Choo, S/Sgt Wasli
bin Haji Sulong, Sgt Sar-
himi bin Karim, Sgt Pe-
ngiran Bakar bin Pengiran
Damit.

Sgt Ismail bin Haji Oh-
sali, Sgt Panjang bin Mu-
sa, Acting Sgt Yaakub bin
Taha, Cpl Aba bin Japar-
ali, Cpl Jamil bin Md Sal-
leh, Cpl Abd Latip @ Za-
man bin Haji Kurus, Cpl
Saidi bin Abun.

Pingat Kerja Lama

Dato Paduka Syed Hus-
sein bin Abdullah Alkaff,
DPMB POAS, Awang Hj.
Yaakub bin Haji Ahmad,
SMB., Dato Paduka Mohd
Tahir bin Metassan, DP-
MB SLJ PHBS PJK.,
Awang Haji Mohd Salleh
bin Haji Hidup, SMB.,
Awang Basir bin Mohd.
Salleh SLJ PSB PIKB.,
Awang Haji Bolhassan
bin Haji Mohamad, Awg.
Metali bin Tuah, Awang
Mohammad bin Burut,
Awang Haji Sharbini bin
Taha, Awang Sabli bin
Yusof, Awang Haji Sulai-

man bin Haji Abdul Wa-
hab, Pengiran Dato Padu-
ka Shariffuddin bin Pe-
ngiran Metali, DPMB
PSB, Awang Haji Zakaria
bin Haji Jeneh, SNB PJK,
Awang Mohd Ali bin Ba-
kar PJK, Awang Haji
Mohd Yunos bin Haji
Mohd Hussein SMB, Dato
Paduka Haji Abdullah bin
Haji Mohd Ja'afar, DP-
MB SLJ PJK, Awang Hj.
Mohd Suni bin Haji Idris,
SLJ, Dayang Armah binte
Ibrahim, Awang Abdullah
bin Kalong, Awang Md
Noor bin Abdul Ghani.

Lihat muka 4



SIMON Snorkel yang berharga kira2 \$900,000.00 itu.

SIMON SNORKEL: di-harapkan dapat berikan khidmat sempurna kepada raayat

Oleh: Shadoon Lamzi

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Pasokan Bomba
Brunei kini mempunyai
satu alat pemadam api
yang terbaharu yang ber-
harga kira2 \$900 ribu.

Alat tersebut yang sam-
pai di-Brunei kira2 sa-
bulan yang lepas di-pesan
dari salah sa-buah firma
di-United Kingdom, Si-
mon Engineering Dutley
Limited, dan satu tunjuk
chara penggunaan alat oto-
matik itu telah di-adakan
di-Balai Bomba di-sini ba-
ru2 ini.

Awang Haji Wahabi
bin Haji Metussin, Pe-
mangku Timbalan Penga-
wal Pasokan Bomba Bru-
nei ketika di-temui baru2
ini menjelaskan, alat
"dual-purpose" itu ber-
keupayaan mengeluarkan
panchutan ayer atau pun
bueh, dan pesanan ini di-
khususkan bagi penempat-
an di-Balai Bomba Seria.

Alat itu "Simon Snor-
kel", menurut Timbalan
Pengawal Bomba itu, jika
di-gunakan boleh mencha-
pai pergerakan sa-tinggi 77
kaki, jauh panchutan di-
anggarkan kira2 30 meter,
dan penggunaan bueh ada-
lah 3,500 gelen sa-minit
dan ayer pula 500 gelen
dalam sa-minit.

Awang Haji Wahabi sa-
terus-nya menjelaskan
yang satu kursus pengen-
dalian dan pemeliharaan
alat tersebut bagi 11 orang
anggota bomba dan meka-
nik2 Pasokan Bomba telah
juga di-adakan di-bawah
tunjuk ajar Awang Keith
A. Mould sa-orang juru-
tera dari firma pembuat
alat tersebut yang di-
datangkan khusus untuk
memberikan kursus ini.

Simon Snorkel ini chu-
ma memerlukan dua orang
ahli bomba untuk mengem-

dalikan-nya dan ini, me-
nurut Awang Haji Wahabi
ada-lah merupakan satu
penjimatian penggunaan
tenaga yang baik dan sa-
terus-nya merupakan kele-
behan alat yang baru per-
tama kali-nya di-gunakan
di-Brunei.

Di-tanya mengenai de-
ngan kelengkapan2 lain
Pasokan Bomba Brunei,
Awang Haji Wahabi men-
jelaskan yang mereka te-
lah berchadang untuk me-

mesan satu lagi alat yayng
sama, tetapi mempunyai
daya penchapaian sa-ting-
gi 103 kaki, bagi di-tem-
patkan di-Balai Bomba
di-sini tahun hadapan.

"Insha Allah, dengan
ada-nya alat2 kelengkapan
yang baru sa-umpama ini,
kita akan dapat memberik-
kan perkhidmatan yang
lebeh sempurna kepada
raayat dan penduduk ne-
geri ini," tambah Awang
Haji Wahabi lagi.

156 panggilan kebakaran di-terima

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Pasokan Bomba
Brunei dari 1hb. Januari,
1981 sa-hingga Khamis,
16hb. Julai lepas telah me-
nerima 156 buah panggilan
kechemasan di-ka-empat2
buah daerah di-negeri ini.
Demikian telah di-jelas-
kan oleh Awang Haji Wa-
habi bin Haji Metussin,
Pemangku Timbalan Pe-
ngawal Pasokan Bomba
Brunei ketika kami hubo-
ngi baru2 ini.

Dari 156 buah panggil-
an ini menurut Awang Hj.
Wahabi, tiga panggilan
kejadian kebakaran telah
di-sifatkan sa-bagai keba-
karan yang paling terok
dan kejadian2 tersebut
berlaku di-Kampung Sul-
tan Lama pada awal bu-
lan Februari lepas yang
meranapkan 60 hingga 70
buah rumah, kebakaran
rumah di-Bukit Saililah
dan yang paling akhir se-
kali kebakaran di-Kilang
Penapis Gas Sharikat Mi-
nyak Shell Brunei Berhad

di-Seria, yang berlaku pa-
da bulan lepas.

Anggaran kerugian ka-
semua kebakaran ini ke-
chuali kebakaran di-
Kilang Penapis Gas Shell
Brunei Berhad di-Seria
menurut Awang Haji Wa-
habi lagi ada-lah \$5.1 juta.

"Dari 156 buah pang-
gilan ini, sa-banyak 83
daripada-nya ada-lah
panggilan2 kebakaran ru-
mah dan lebeh-nya berka-
itan dengan kemalang-
an jalan-nya atau pun
panggilan menyelamat
yang lain," kata Awang
Haji Wahabi.

Beliau sa-terus-nya
memberitahu yang keba-
karan2 bangunan ini akan
dapat di-kurangkan sa-
andai-nya tuan2 punya ru-
mah atau bangunan meng-
ambatkan perhatian yang
berat tentang sa-tiap sudut
yang berkaitan dengan ke-
selamatan rumah atau pun
bangunan yang mereka
diami.



ALAT ini bila di-gunakan boleh mencha-
pai ketinggian sa-hingga 77 kaki, dan amat berkesan bila di-gunakan di-dalam
operasi menyelamat. Gambar ini di-ambil ketika tunjuk-chara
di-adakan di-Balai Bomba, Bandar Seri Begawan.



AWANG Keith A. Mould, (ke-empat dari kanan), Awang Haji Wahabi (kedua dari kiri)
bergambar ramai bersama dengan peserta kursus.

Senarai penerima2 Bintang2 dan pingat2 Pingat Kerja Lama — P.K.L.

Dari muka 3

Pengiran Tengah bin Pengiran Besar, Dk Maimunah binte Pengiran Haji Salim, Awang Mohd Ali bin Ahmad, Dayang Siti Jaliha binte Haji Munchong, Dg. Zaidah binte Umar, Dayang Rafiah binte Haji Md Hassan, Awang Ibrahim bin Haji Muhammad/Mohammad, Matdris/ Idris bin Md Tahir, Awang Mukhtal bin Sahat, Dayang Fatimah binte Haji Hitam, Dayang Rahilah binte Lagong, Pengiran Muhammad bin Pengiran Ja'afar, Awg. Serudin bin Haji Abdullah, Awang Muhammad bin Abdullah/Dullah, Dk Maimunah binte Pengiran Haji Damit, Dayang Hajjah Hidar binte Haji Ibrahim, Dayang Ludi bte Lakim, Pengiran Metali bin Pengiran Haji Ahmad, Dayang Rugayah bte Abdullah, Awang Masri bin Hj. Mat Salleh.

Pengiran Haji Tuah bin Pengiran Apong, Dayang Zaleha bte Haji Mat Said, Pengiran Bakar bin Pengiran Haji Mat Salleh, Pengiran Saifah binte Pengiran Wahid, Awang Kula bin Muhammad, Awang Hamdan bin Md Said, Awang Md Ja'afar bin Karim, Dayang Kamsiah binte Datu Haji Md Yusof, Awang Azahari bin Iradat.

Awang Abdul Rahman bin Apong, Dayang Shafiah bte Datu Setia Diraja Haji Mohd. Yusof, Awang Bolhassan bin Haji Abdul Rahman, Pengarah Omar-ali bin Pateh Setia Diraja Haji Tengah, Awang Ahmad bin Abdul Rahman, Dayang Hajjah Siti Alam bte Mohd Noor, Dayang Rafiah binte Orang Kaya Setia Negara Haji Md Safar, Awang Abdul Ghani Dungok, Awang Md Salleh bin Abdul Rahman, Awang Mohsin bin Haji Khatam.

Awang Talib bin Panggis/Panggis, Awg. Abdul Ghafar bin Jumat, Awang Md Yusof bin Judin, Awg. Yahya bin Pisi, Awang Abdul Rahman bin Ahad, Awang Umar Ali bin Esong, Awang Md Yusof bin Sidek, Awang Abdul Karim bin Md Zain, Awg. Amol Anuar bin Dua, Awang Abdul Rahim bin Haji Abdul Latif.

Dayang Haminah binte Yaman, Awg. Md Husain bin Haji Yusof, Pengiran Suhaili bin Pengiran Haji Abdul Ghani, Awang Haji Md Nasir bin Md Yassin,

Awang Muhammad Jamil bin Muddin, Awang Seruji bin Ahmad, Awang Md Hassan bin Haji Tahir, Dayang Ramni binte Seruji, Pengiran Fatimah bte Pengiran Haji Puteh, Dayang Masnah bte Husain.

Dayang Sarbanun binte Pisi, Ampuan Mohiddin bin Ampuan Haji Adol, Dayang Normah binte Orang Kaya Seri Dewa Hj. Mohd. Salleh, Pengiran Ahmad bin Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin, Dayang Jamaliah binte Haji Abu Hanifah, Awang Hidup bin Bunal, Dk Saerah bte Pengiran Jaya Petra Pengiran Haji Ahmad, Awg. Hashim bin Haji Abdul Kadir, Awang Pong Keng Kiu, Awang Tamin bin Perak/Tarip.

Dk Fatimah bte Pengiran Haji Damit, Dg. Maznah binte Mahmud, Abang Taha bin Abang Mohammad, Awang Abdul Rahman bin Haji Othman, Awang Mohd Ali bin Sahat, Awang Abdul Wahab bin Haji Nayan, Dayang Sa'adiyah binte Kikil, Pengiran Mariam binte Pengiran Damit, Dg. Tiamah bte Haji Saffar, Dayang Putit binte Seruji.

Awang Hidup bin Kahar, Awg. Yong Fook On, Awang Ahmad bin Haji Kalong, Awang Basni bin Haji Alihassan, Dayang Rasidah bte OKPW Abdul Rashid, Awang Othman bin Pengarah Hj. Untong, Awg. Sulaiman bin Tahiruddin, Awang Umar bin Kamis, Awg Haji Untong bin Abdul Rahman, Awg. Mohammad Yusof bin Mantok.

Awg. Abdul Karim bin Ali/Alli, Awang Shahbudin bin Haji Paya, Awg. Juned bin Mustafa, Awang Tengah bin Aman, Pengiran Haji Md Yassin bin Pengiran Kamaluddin, Dayang Armah binte Muhammad, Awang Md Nor bin Taib, Dayang Madiyah bte Abdul Hamid, Awg. Jumat bin Haji Tudin, Awang Sulaiman bin Haji Abdul Latif.

Dayang Malai Sukinah binte Sheikh Mahmud, Awang Rosman bin Burut, Dayang Hajjah Rugayah binte Alihashim, Awang Abdul Samad bin Kahar, Dayang Asiah bte Abdul Latif, Awang Haji Saji bin Radin, Dayang Halimah binte Uga, Awang Mohd. Noor bin Othman, Awang Andok bin Siok, Pengiran Anak Mastura bte Pengiran Jaya Petra Pengiran Haji Ahmad.

Awang Suti bin Luyong, Awang Abu Bakar bin

Mohammad, Pengiran Halimah binte Pengiran Dato Haji Metassim, Awg Haji Md Thani bin Haji Md Daud, Awang Damit bin Tusan, Dayang Zaliha bte Abdul Rahman, Dayang Muneh binte Md Said, Awang Haji Md Yassin bin Haji Ahmad, Awang Haji Md Diah bin OKPI Haji Layeh, Awang Minor Absah bin Abdul Samad, Awang Adam bin Haji Tarif, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Md Sal-

leh, Awang Abdul Rahman bin Haji Othman 'A', Dayang Grace Wong Pitt Len.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, SLJ PIKB., Dayang Habibah binte Haji Hussein, PHBS., Pengiran Rohana binte Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed, Awang Chua Kong Seng,

PHBS PJK., Awang Haji Ismail bin Abdul Rahman, PHBS., Awang Haji Sulaiman bin Ahmad.

Awang Haji Basuni bin Mohd Jaafar, Awang Haji Adinin bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Awang Amit bin Bungsu, Awang Taha bin Taram, Awang Jamudin bin Haji Lisa, Awang Haji Serudin bin Mohd Tarif, Awang Tamit bin Hanafiah.

Yang Berhormat Orang Kaya Khazan Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John DK SPMB DSNB PHBS PBLI PJK., Awang John Puk Min Sang, Pengiran Hashim bin Pengiran Momin, Dayang Laila Hui Tin, Awang Pong Shim, Awang Mohd Saib bin Bungkol, Awang Abdul Hamid bin Bakir

BERSAMBONG
MINGGU DEPAN

Penyampaian hadiah2 kepada pemenang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Nuzul Al-Kor'an bagi Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Masjid Kampong Burong Pingai Ayer di-sini pada malam Isnin yang lepas.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan bacaan ayat2 suci Al-Kor'an yang telah di-sampaikan oleh Awang Mahlee bin Awang Besar, ini kemudian di-ikuti dengan ucapan alu-aluan oleh pengerusi sambutan, Awang Haji Mohd. Murad bin Abang Ali serta ucapan Ketua Kampong Burong Pingai, Pengarah Hj. Othman bin Kadir.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan satu chermah khas mengenai Nuzul Al-Kor'an.

Kemunchak dari acara pada malam itu ia-lah penyampaian hadiah2 kepada pemenang2 peraduan menulis sajak, cerpen dan makallah yang di-anjurkan sempena sambutan Isra' dan Me'raj tahun ini.

Dalam bahagian sajak

bagi penuntut Tingkatan empat dan lima, pemenang pertama di-menangi oleh Awang Ahmad Kasara bin Haji Ibrahim, kedua ia-lah Dayang Hajjah Mariam binte Haji Asmat dan ketiga ia-lah Awang Ahmad Kasara bin Haji Ibrahim. Sementara pemenang sagu hati ia-lah Dayang Aidah binte Jalin, Awang Hasan bin Suhaili dan Awang Shahrani bin Maidin.

Sementara dalam bahagian sajak bagi penuntut2 tingkatan enam dan maktab perguruan pula tempat pertama di-menangi oleh Awang Sawal bin Mat Jerah, kedua Awang Salam bin Abd. Momin dan ketiga jato kepada Awang Ismail bin Haji Mohd. Yassin. Pemenang sagu hati terdiri dari Awang Sawal bin Mat Jerah, Awg. Linggat bin Kilai dan Awang Kudi bin Jenggek.

Pengiran Sabtu bin Pengiran Haji Mohd. Salleh telah memenangi hadiah yang pertama dalam sajak bahagian umum yakni bukan penuntut2 sekolah, kedua ia-lah Pengiran Tajuddin bin Pengiran Bustamam dan ketiga ia-lah Awang Zailani bin Abd.

Ghaffar. Manakala pemenang sagu hati pula ia-lah Awang Tarif bin Abd. Hamid, Awang Bahmin bin Hamdan dan ketiga Awang Ahmad bin Haji Munchong.

Dalam peraduan menulis cerpen ia-itu bagi penuntut2 tingkatan empat, lima dan enam serta maktab2 perguruan, pemenang pertama jato kepada Dayang Aidah binte Jalin, kedua Riag bin Simen dan ketiga ia-lah Awang Sawal bin Mat Jerah. Pemenang sagu hati pula ia-lah Awang Husain Rejab, Awang Mohd. Zafri Ariff bin Mohd. Zain Ariff dan Awang Abd. Ghaffar bin Mohd. Harun.

Sementara dalam bahagian peraduan cerpen umum pula, Awang Morshidi bin Haji Marshal telah memenangi hadiah yang pertama, kedua jato kepada Dayang Maimon binte Abd. Rahman dan ketiga ia-lah Awang Ibrahim bin Haji Muhammad. Manakala pemenang sagu hati terdiri dari Awg. Chong Ah Fok, Morshidi bin Muhammad dan Bahmin bin Hamdan.

Awang Suni bin Sulai-

man telah memenangi hadiah yang pertama dalam bahagian penulisan makallah untuk penuntut2 sekolah dan maktab2 perguruan. Pemenang kedua ia-lah Awang Ismail bin Haji Muhammad dan ketiga ia-lah Awang Shahrani bin Maidin. Pemenang sagu hati ia-lah Awang Ghaffar bin Mohd. Harun.

Dalam bahagian peraduan makallah untuk umum tempat pertama telah di-menangi oleh Awang Ismail bin Abd. Latif, kedua Awang Mohd. Husain bin Abd. Rahman dan ketiga ia-lah Awang Maimon bin Rahman. Pemenang sagu hati terdiri dari Dayang Fatimah binte Pehin Khatib Haji Abd. Hamid bin Umar dan Awang Metassan bin Mahat.

Hadiah2 kepada pemenang telah di-sampaikan oleh Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Memelok Ugama Islam

JALAN MUARA. — Majlis pengislaman telah di-langsungkan di-rumah Ketua Kampung Kapok di-Jalan Muara, Awang Haji Mina Bulat.

Majlis pengislaman keluarga Iban yang berasal dari Limbang itu telah di-lakukan oleh Pehin Orang Kaya Indera Lela Begawan Mudim Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Seruddin.

Saudara2 baru itu telah memilih nama Islam sebagai Awang Gazali bin Abdullah dan Dayang Salmah bte Abdullah. Sementara tiga orang lelaki mereka telah memilih nama2 Islamnya sebagai Awang Jamaluddin bin Awang Gazali, Awang Johari bin Awang Gazali dan Awang Ramli bin Awang Gazali.



DATO Paduka Haji Abdullah menyampaikan hadiah wang tunai kepada Pengiran Tajuddin bin Pg Bustamam, pemenang kedua dalam bahagian sajak.

KAWASAN Tanah Lapang berhadapan Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin yang terletak di-ibu kota merupakan satu kawasan yang paling sibok di sepanjang bulan Puasa kerana ia-nya merupakan 'target' dan tumpuan utama kepada orang ramai untuk mendapatkan berbagai-bagai juadah memenohi selera pesungkaan di-bulan Ramadhan.

Sa-tiap petang, muda, tua dan kanak-kanak datang berpusu-pusu ka-kawasan tersebut bagi membeli kueh-mueh yang beraneka rupa yang menjadikan kawasan itu sa-bagai sa-olah2 merupakan pesta atau tamu ria.

Dalam minggu pertama sahaja, mithal-nya segala jualan2 baik yang berupa kueh-mueh, chendol, mee dan sa-bagai-nya begitu laris di-beli di-anggarkan yang seorang penjual boleh mendapat keuntungan lebih daripada \$100.00 sa-hari.

Sa-orang penjual di kawasan itu ketika di-hubungi oleh Pelita Brunei mengenai bahawa segala jualan kueh-mueh-nya telah habis di-beli sa-belum pukul lima petang lagi.

Empak-nya, kesebukan menyediakan serba satu pesungkaan dalam bulan Puasa ini tidak dapat di-abaikan (walaupun daripada hari2 bulan2 yang lain) dan ini lah merupakan sa-olah2 tradisi satu umat di-negeri ini. Dan se- ini dapat-lah di-katakan sebagai suatu keshukoran Islam terhadap ketiba- bulan Ramadhan yang mu- kali pun dewasa ini kita hadapi zaman inflasi.

Ramainya pun, kita sa- umat Islam perlu beringat-ingat supaya sa-terlampau berbelanja sa-oleh-lebihan sa-hingga kanak2 pesungkaan yang beli itu mengalami pem- an kerana ada kala-nya sa- itu tidak habis di-ma- apabila selera pesungkai- dah terpenohi.

Sementara itu, dalam per- anan lain di-bulan puasa yang amat ketara dan jelas ada kita ada-lah mengenai kelaziman orang2 kita apabila saja tiba bulan Sa, Masjid Sultan Omar Saifuddin menjadi tumpuan umat Islam untuk ber- shayang Dzohor dan masuk masjid2 serta surau2 di-seluruh negeri juga kan keadaan-nya.

menunjukkan umat Is- di-negeri ini lebih suka ber- hadirkan diri untuk ber- melalui masjid2, surau2 lain2 lagi tempat beriba- yang di-sediakan oleh ke-

setelah tekak yang kering di-basahi dengan ayer perut yang kosong di-isi sa- serba satu makanan sa- Maghrib, maka kita te- pula beredar ka-masjid2 surau2 untuk berjemaah shayang Maghrib, Isha

dan Tarawikh serta terus ber- tadarus sa-hingga ka-dinihari.

Di-Seria dan Kuala Belait pula, suasana di-dalam me- nyambut Ramadhan tidak ada beza-nya dengan sambutan2 yang di-adakan di-daerah2 lain di-negeri ini.

Masjid2 Mohammad Jama- lul Alam di-Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria saperti ke- laziman-nya di-tahun yang sudah2 tetap menjadi tumpu- an muslimin dari semua pe- rangkat umur.

Keghairahan beribadat di- bulan yang mulia ini dan begi- tu ketara sekali dapat kita sak- sikan di-setiap malam sa-pa- njanng berjalannya puasa di- mana kedua2 masjid tersebut

sentiasa di-penuhi oleh masha- rakat Islam kita yang turut bersama-sama menghadirkan diri untuk mengerjakan sem- bahyang tawarikh dan ber- sama-sama turut serta di-da- lam majlis "tadarus" sa-telah siang-nya mengawal diri dari makan dan minum—berpuasa.

Suasana membeli juadah bagi pesungkaan di-kedua- dua bandar ini tidak-lah sa- sebok saperti di-Bandar Seri Begawan.

Kita tidak mempunyai ma- na-mana tempat khas khusus bagi menjual aneka jenis kueh-mueh melainkan bangku2 pasar yang di-pinjam dan di- kawasan2 yang berdekatan de- ngan pasar, namun demikian

Oleh :

JA'AFAR IBRAHIM
SHADOON LAMZI

Memileh juadah utk pesungkaan beramal ibadat untuk dapatkan keredhaan Allah



BAURONG-URONG di-tempat menjual berbagai juadah di-ibu negeri.

keadaan tetap terator dan dari perbualan kami dengan salah sa-orang penjual di-Seria ternyata pendapatan yang di-per- olehi-nya sentiasa menggem- birakan... purata \$90 sa- hari.

Ramadhan pada siang-nya tetap di-hormati. Saperti yang sama2 kita ketahui ada-lah tidak mungkin bagi kita un- tok melihat orang2 Islam yang tidak berpuasa menjamu se- lera dan dudok2 di-kedai2 kopi. Anak2 kecil sekali pun sudah tahu menghargai bulan Ramadhan ini. Ada-lah ja- rang bagi kita untuk melihat mereka berjalan-jalan di-kha- layak ramai dengan memegang ais kerim.

Ada-lah tidak betul yang sa-bahagian besar pelanggan2 pekedai2 kopi terdiri daripada orang2 Islam; tetapi terbit- nya bulan Ramadhan ini sa- tidak2nya telah mengurang- kan sedikit penghasilan kedai2 kopi itu.

Kedai2 makan dan gerai makan di-Seria yang di-jalan- kan oleh orang2 Islam pada siang hari-nya di-tutup dan perniagaan chuma di-jalkan sa-lepas bedok sa-bagai meng- hormati bulan puasa.

Semoga-lah rasa hormat ter- hadap bulan yang mulia ini tetap di-pupok, di-sanjong pa- da sa-tiap masa oleh sa-tiap muslimin di-negeri kita ini.



JUALAN chendol untuk pesungkaan oleh peniaga ini (atas) sungguh laris dan memileh juadah yang mana satu berkenan di- hati (bawah).



BERTADARUS di-dalam Ramadhan di-surau Maktab Pengurusan Ugama.



PUASA DORONG BELIA GIAT BERIBADAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tanpa di-sedari kita sa-olah2 mudah sahaja di-dolak-dalihkan dan di-abui oleh pendapat 'anti ibadat' yang mengatakan Ramadhan ada-lah bulan beku tanpa kegiatan, kosongkan perut dan chari habuan untuk mengalas-nya bila tiba waktu berbuka.

Pendapat ini ada-lah jauh dari wajar kerana dari pandangan dzahir sahaja kita sudah chukop alasan untuk mengatakan-nya tidak berasas sama sekali dan ini belum lagi kita meninjau menerusi soal2 rohani di-mana puasa dapat kita rasa membebankan jiwa serta memberi kekuatan bathin yang menjadi asas kesempurnaan bagi tindak-tanduk kita.

Bulan Ramadhan telah menjadikan belia2 belasan tahun yang maseh di-bangku sekolah khas-nya terdorong untuk menyedari kewajipan masing2 bilamana sa-tiap hari kita boleh menyaksikan golongan mereka ini-lah yang banyak membanjiri sekolah2 tambahan dan dewan2 bachan untuk menelaah pelajaran sambil melakukan ibadat puasa.

Tanpa ada perasaan yang di-kongkong oleh kehendak mahu mengabdikan diri dengan melakukan ibadat puasa sudah tentu waktu2 yang begitu banyak terluang saperti di-bulan ini akan sewenang-nya di-isikan dengan perkara2 yang merugikan dan

tentu mereka akan meragui dan merungsingkan para ibu-bapa. Pendek-nya puasa ada-lah penyelamat yang mendorong

sembahyang tarawikh dan tadarus.

Ahli2 Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ada-

fuddin ketika di-undang di-majlis tadarus di-rumah salah sa-orang ahli bertempat di-Kampung Sengkuring minggu lalu.



melakukan kegiatan2 yang berkebakikan dan menjauhi perkara2 yang tidak berfaedah.

Begitu juga dengan belia yang telah menjawat pekerjaan di-jabatan2 kerajaan dan sharikat2 swasta yang kebanyakan-nya menggabungkan diri dengan berbagai-bagai pertubuhan dan persatuan, ini-lah ketika-nya untuk lebih giat melakukan ibadat2 lain yang di-tuntut oleh ugama saperti

lah chontoh belia yang boleh di-tauladani dalam melakukan kegiatan mereka di-bulan ini. Dengan menggabungkan diri menjadi satu kumpulan mereka telah menjadi satu rombongan tadarus kamajid2, rumah orang2 kenamaan dan orang ramai yang mengundang mereka.

Gambar atas menunjukkan beberapa orang ahli2 Persatuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Sai-



Olahraga mukim2 dan jabatan2 kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — BAAA (Persatuan Sokan Aman Brunei) merancang untuk mengendalikan sokan olahraga antara mukim dan jabatan2 kerajaan mula.

Achara tersebut ada-lah di-anjarkan oleh jawatan kuasa tertinggi sambutan bagi meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ka-35 tahun ini.

Oleh kerana tarikh Hari Keputeraan Baginda Sultan ini sekali lagi jatuh dalam musim bulan puasa maka sokan tersebut akan di-tunda pada 25hb. Ogos depan, bagaimana pun menurut pehak persatuan tempat bagi melangsungkan achara tersebut adalah tertaalok kepada pengesahan pehak yang berkenaan.

Di-tanya sama ada achara tersebut merupakan pertama kali-nya di-anjarkan juruchakap persatuan menyatakan yang pehak-n telah pun mengendalikan sokan serupa beberapa tahun lalu dan hanya di-tahun kebelakangan ia terhenti bilamana di-gantikan dengan achara sokria.

"Pihak persatuan akan berusaha sa-dapat mungkin untuk menyusun sokan tersebut dengan menelaah achara2 yang sesuai untuk mempastikan yang ia akan mendapat sambutan dari orang ramai," jelasnya.

Sa-takat ini sa-banyak 17 achara bagi lelaki dan 13 achara bagi wanita telah pun di-ranchangkan bagi achara2 sokan tersebut.

Borang2 penyertaan yang mesti di-kembalikan tidak lewat daripada hari Khamis 13hb. Ogos 1981 sekarang boleh di-perolehi daripada Chegu Tuan Nordin di-Bahagian Latihan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei, Awang Zainal bin Gana di-Pusat Tingkatan Enam Jabatan Gadong dan Haji Mohd Yusoff bin Bakar di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-sini.

4 daerah akan beradu dalam tarek kalat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarek kalat adalah sokan yang menarek perhatian semua perengkat dan tahun ini akan di-jangka lebih meriah bilamana wakil2 daerah akan bertegang dalam perlawanan sa-negeri yang akan berlangsung di-Padang Besar di-sini akhir Ogos depan.

Saperti yang sudah2 perlawanan akan terbahagi kepada dua bahagian, 'A' dan 'B' yang masing2 bagi berat badan 150lb ka-bawah dan 150lb ka-atas. Tahun lalu bahagian2 tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Jabatan Kerja Raya yang merupakan wakil2 dari Daerah Brunei-Muara.

Perlwanan ada-lah di-anjarkan dan di-kendalikan sendiri oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sa-bagai salah satu achara bagi meraikan hari keputeraan Baginda.

Sa-belum perlwanan perengkat tersebut, ada-lah di-fahamkan yang keempat2 daerah akan mengadakan perlwanan untuk memilih wakil2 mereka yang mana akan di-kelolakan sendiri oleh jawatankuasa sambutan bagi daerah masing2.

Di-Daerah Brunei-Muara Setiausaha Perlwanan, Pengiran Mohammad bin Pengiran Sarifuddin mengatakan yang perlwanan di-jadualkan bermula pada 9hb Ogos 1981 manakala perengkat akhir ia-lah pada 15hb Ogos 1981.

Penyertaan bagi memasuki perlwanan akan di-tutup pada 1hb Ogos depan dan katanya sa-siapa yang hendak mendapatkan borang dan keterangan lanjut boleh-lah berhubung terus dengan beliau di-Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya di-sini atau dengan Pengiran Duraman bin Pengiran Haji Omarali di-Jabatan Radio dan Talivishen.

Sementara itu di-dearah Belait, Jawatankuasa sambutan bagi daerah tersebut pula menyatakan yang perlwanan tarek kalat bagi daerah tersebut akan di-jalankan segera, bagaimana pun tarikh dan tempat-nya belum-lah di-tetapkan.

Juruchakap penganjoran memberitahu 'Pelita' baru2 ini, selain dari perlwanan bahagian 'A' dan 'B' bagi Persatuan2, Kelab2, Jabatan2 Kerajaan, Shariakat2 Swasta/Firma, Angkatan Bersenjata, Kampung2 dan Kawasan, dua perlwanan tambahan bagi tahun ini ia-lah bagi bahagian C bagi pasokan2 yang berumur 40 tahun ka-atas dan bahagian 'D' bagi Maktab2, Sekolah2 Menengah dan Misi yang berumur 16 tahun ka-atas.

kedua, ketiga, dan keempat dalam musim perlwanan tahun lalu yang ingin menyertai perlwanan ada-lah di-iktiraf bertanding ka-perengkat suku akhir sa-negeri.

Kata-nya pemain2 kebangsaan ada-lah di-benarkan bermain dalam mana2 pasokan yang bukan pemenang2 di-atas, tetapi bilangan mereka ada-lah di-hadkan tidak lebih dua orang dalam mana2 pasokan.

Borang2 serta keterangan lanjut mengenai perlwanan sekarang boleh di-dapati di-Ibu Pejabat PG-GMB di-Bangunan Guru2 Melayu Brunei di-sini atau daripada Awang Tuah bin Nordin di-Bahagian Latihan Jasmani Jabatan Pelajaran, Awang Mokti bin Ghani di-Sekolah Rendah Dato Ahmad, Burong Pingai dan Pengiran Metassan bin Pengiran Bakar di-Unit Peranchang Bandar dan Desa di-sini.

Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkihah.

Tahun lalu kedua2, johan dan naib johan dalam perlwanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Perkasa.

Juruchakap persekutuan memberitahu 'Pelita' minggu lalu perlwanan bagi perengkat daerah di-jadualkan bermula pada 17hb. Ogos dan perlwanan perengkat sa-negeri akan di-jalankan pada 5hb. September depan.

Tiap2 jabatan, kelab2, sekolah2 dan persatuan yang hendak menyertai perlwanan hanya di-bolehkan menyertakan 2 buah pasokan yang mana pemain-nya tidak lebih daripada 5 orang yang termasuk sa-orang pemain simpanan dalam sa-tiap pasokan.

Kata juruchakap tersebut, pasokan2 yang mendapat tempat2 pertama,

Sepak Takraw ke-20 Persekutuan Guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan menganjarkan Perlwanan Sepak Takraw kali ka-20 di-Pusat Belia di-sini Ogos depan.

Perlwanan ada-lah terbuka kepada Jabatan2, Kelab2, Sekolah2 dan Persatuan2 seluruh negeri dan ada-lah sa-bagai salah satu achara bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun.

Saperti yang telah lalu, perlwanan ada-lah bagi merebut perisai Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota yang sekarang di-kenali sa-bagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei manakala naib johan ada-lah bagi merebut perisai dari Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 22HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.45 KAP KAP UDANG
- 3.45 THE NATURE OF THINGS : GODZILLA : "The Collosus of Atlantis"
- 4.00 MORK AND MINDY : "Mindy Gets A Job"
- 4.40 SAPHIRE AND STEEL : SIV Bhg 3.
- 4.00 RENGKASAN BERITA
- 4.05 KATUN
- 4.15 MARI SEMBAHYANG
- 4.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
- 4.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 4.46 NASHID

MALAM

- 4.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 4.15 B J AND THE BEAR : "Down and Dirty"
- 4.15 B J McKay menchabar Grant dalam satu perjudian berjumlah \$100,000.
- 4.33 AZAN ISHA
- 4.57 B J AND THE BEAR — sambongan
- 4.15 WARTA BERITA
- 4.30 MAJALLAH BRUNEI
- 4.50 RAMADHAN DI-DUNIA
- 4.05 KNOTS LANDING
- 4.55 TAYANGAN GAMBAR
- 4.25 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 23HB. JULAI

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN
- 4.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.43 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.45 KAP KAP UDANG
- 4.45 SESAME STREET
- 4.10 FABULOUS FUNNIES
- 4.35 SPECTRUM (Siri baru)
- 4.00 RENGKASAN BERITA
- 4.05 KATUN
- 4.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
- 4.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 4.46 NASHID

MALAM

- 4.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 4.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "Planet of The Slave Girl" Pt. I
- 4.37 AZAN ISHA
- 4.37 BUCK ROGERS — sambongan
- 4.35 WARTA BERITA
- 4.30 RAMADHAN DI-DUNIA
- 4.5 HIDAYAT
- 4.5 DUNIA MINGGU INI
- 4.3 THREE'S COMPANY : "Jack's Uncle"
- 4.0 THE PROFESSIONALS : "Discovered In A Graveyard"
- 4.10 TRAPPER JOHN : "Girl Under Glass" Pt. I.
- 4.15 SIARAN TAMAT.

JUMAT — 24HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.45 KAP KAP UDANG
- 3.45 FOLLOW ME
- 4.30 CHILDREN'S SERIAL :
- 4.45 SUPER GLOBETROTTERS : Vs Movie Man
- 4.10 DR WHO : "Power of Kroll"
- 4.00 Bahagian keempat.
- 4.40 THE MAGIC PALACE
- 4.00 RENGKASAN BERITA
- 4.05 KATUN
- 4.15 MARI SEMBAHYANG
- 4.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI

- 6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GOLDEN MOMENT — Ep. 3
- 7.53 AZAN ISHA
- 5.57 THE GOLDEN MOMENT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
- 9.00 DOKUMENTARI : Year of the Disabled
- 9.25 NOBOY'S PERFECT : "Hart In Jail"
- 9.55 GUSTI
- 10.50 QUINCY : "T. K. O."
- 12.30 SIARAN TAMAT.

SABTU — 25HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.45 KAP KAP UDANG
- 4.15 POP EYE
- 5.35 BEWITCHED : "TV Or Not TV"
- 4.15 Tabitha hampir menjadi bintang TV, tetapi dia tidak suka pada bahagian-nya.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 KATUN
- 6.15 MARI SEMBAHYANG
- 6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MAGNUM PI
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 MAGNUM PI — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 RAMADHAN DI-DUNIA
- 9.05 MARI MEMASAK
- 9.30 TAYANGAN FILEM INDONESIA
- 11.20 WIMBLEDON MEN'S DOUBLES
- 1.20 SIARAN TAMAT.

AHAD — 26HB. JULAI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
- 2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.17 ALOHA PARADISE
- 3.45 KAP KAP UDANG
- 4.15 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
- 4.45 VISION ON : "Glass"
- 5.15 RICHIE RICH
- 5.40 CHILDREN'S SHORT STORIES
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 KATUN
- 6.15 MARI SEMBAHYANG
- 6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE INCREDIBLE HULK
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
- 8.45 BUTTERFLIES
- 9.10 POTRET PENYANYI No. 4
- 9.40 THE SANDBAGGERS : "All In A Good Cause"
- 10.40 THE BIG VALLEY
- 11.25 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 27HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.45 KAP KAP UDANG
- 4.15 FOLLOW ME
- 4.25 SEALAB 2020 : "Where Dangers Are Many"
- 4.50 ANIMAL WORLD : "Japan's Snow Monkeys"
- 5.15 TARZAN : "Deadly Silence" Bhg pertama.
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 KATUN
- 6.15 MARI SEMBAHYANG
- 6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI

RANCHANGAN TVP 27HB JULAI HINGGA 2HB OGOS

ISNIN — 27HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 398.
- Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSEKAM, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, BERLAKUN, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

SELASA — 28HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 399.
- Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, PA' LONG, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

RABU — 29HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 400.
- Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, AMINAH, MAIN BOLA, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

KHAMIS 30HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 401
- Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, MARI MENYANYI, HALAMAN MENGAJAR, MAIN KERUSI, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.

JUMAT — 31HB JULAI

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG.
- Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, TEKA BENDA, HALAMAN MENGAJAR, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
- Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah Kanchil Dengan Monyet.

SABTU — 1HB OGOS

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 402.
- Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti KETUA KESELAMATAN, AMIN, SI-MANIS, PETI SURAT, MARI MENYANYI, HALAMAN BERKERJA dan CHERMIN SAKTI.

- 6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SHOESTRING
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 SHOESTRING — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 RAMADHAN DI-DUNIA
- 9.05 SEAGULL ISLAND
- 9.45 A SPECIAL CHILD
- 10.30 CLIFFHANGERS
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SELASA — 28HB. JULAI

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.31 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.43 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.45 KAP KAP UDANG
- 4.15 THE MUNCH BUNCH
- 4.30 HANDFUL OF SONGS — Episod terakhir.
- 4.45 AQUAMAN
- 5.15 LIFE ON EARTH : (Ulangan)
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 LIFE OF EARTH — sambongan
- 6.15 MARI SEMBAHYANG
- 6.30 CHERAMAH MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK/AZAN MAGHRIB
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 NERO WOLFE
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 NERO WOLFE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 RAMADHAN DI-DUNIA
- 8.45 ARENA SOKAN
- 9.15 TAYANGAN GAMBAR : "The 11th Victim"
- Ramai wanita2 chantek yang ingin menjadi bintang filem yang mashhor telah sesat jalan menuju ka-tempat sa-orang pembunuh.
- Pelakun2 : Bess Armstrong, Max Gail, Herold Gould, Pamela Ludwig, Eric Burdon.
- 11.15 THE ASSOCIATES — Ep. 12.
- 11.45 SIARAN TAMAT.

AHAD — 2HB OGOS

PETANG

- 3.45 KAP KAP UDANG 403.
- Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN KUDA, TUNJOK BENDA, BERLAKUN, MAIN BOLA, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

AHAD — 2HB OGOS *

PETANG

- 3.40 KAP KAP UDANG 405A (Ranchangan Khas untuk Hari Raya Pertama)
- Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERSEKAM, BERSAMA2 KAWAN ANAK2 DI-HOSPITAL, B.S.B., JIG-SAW, BELON SI-MANIS, BERSAMA2 KAWAN ANAK2 DI-ONG SUM PING, MEMPERKENALKAN KAWAN2 BARU, MENYANYI, JAMUAN DI-EDARKAN, SI-MANIS, Persembahan MINI ORCHESTRA, MENYANYI LAGU SELAMAT HARI RAYA.

Perhatian :

*Jika Hari Raya jatuh pada hari Ahad 2hb Ogos, 1981, Ranchangan Khas Kap Kap Udang 405A untuk Hari Raya Pertama akan di-siarkan. Kalau tidak ranchangan Kap Kap Udang 403 akan di-siarkan, pada hari Ahad ini, 2hb Ogos, 1981.

BAHAGIAN RADIO DENGAN KHIDMAT AIDILFITRI

**Memberikan khidmat aidilfitri-nya
kapada para pendengar melalui
ruangan Uchap Selamat dalam
beberapa bentok yang sesuai
termasok siaran langsung ucapan
penuntut2 di-United Kingdom**

IBARAT musim buah, 'buah' Ramadhan sudah mulai sayup di-hujung dahan dan musim Raya musim serba indah sedikit sabanyak sudah mulai mewarnakan hati nubari kita umat Islam. Adat bangsa Melayu sudah kelihatan di-mana2. Lampu2 menerangi halaman di-malam tujuh likur sudah ada yang terpasang di-pekarangan rumah. Para hamba Allah yang benar2 taqwa sudah begitu mengharap2kan akan sempat beribadat sa-banyak2-nya di-malam Lailatul-Qadar. Dan salah satu adat resam kita menjelang hujung Ramadhan itu ia-lah mengirinkan ucapan2 Selamat Hari Raya dan memohon ma'af zahir batin kapada saudara mara dan sahabat handai yang jauh di-mata tetapi tetap dalam ingatan dan kenangan.

Dalam kemajuan segala macham bidang siberan am zaman ini, ucapan2 Selamat Hari Raya bukan sahaja berupa kad-kad atau kartu-kartu yang dapat di-layangkan melalui pos udara tetapi disampaikan juga melalui ruangan2 akhbar dan yang paling akhir melalui siaran radio.


Saperti tahun2 lalu, Radio Brunei sekali lagi memberi kesempatan kapada para pendengar kita untuk menyampaikan ucapan2 Selamat Hari Raya kapada saudara mara dan sahabat handai yang jauh baik di-dalam mahu pun di-luar negeri.

Radio Brunei akan memberikan khidmat Aidilfitri-nya berupa ruangan uchap Selamat Hari Raya dalam beberapa bentok yang sesuai untuk para pendengar kita ia-

itu melalui lagu2 permintaan, melalui talipon dalam negeri. Dan satu khidmat radio sedang di-atorakan untuk para pelajar kita di-United Kingdom menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya kapada ibu bapa dan saudara mereka di-tanah ayer. Siaran dari London ini akan di-siarkan sa-chara langsung. Tarikh dan waktu-nya akan di-umomkan kapada para

pendengar sedikit masa lagi.

Mudah-mudahan dengan adanya khidmat Aidilfitri Radio ini pelajar2 kita di-seberang laut tidak akan merasa diri mereka saperterbuang di-rantau orang ketik Takbir dan Tahmid bergema di dunia menyambut Aidilfitri yang mulia, hari sambutan kemenangan bagi umat Islam yang mengerjakan fardhu puasa.



PARNELL Roberts sa-bagai Trapper John kembali menemui awda mulai esok jam 11 malam.



Sandiwara

Oleh

DARI minggu ka-manchangan Sandiwara menemui peminat-nya bentok persembahan an dari ragam penun tersendiri.

Minggu ini A. Timbang akan meluk sandiwara-nya meng perjalanan hidup yang oleh sa-bilangan ke yang memerlukan ker dengan apa juga pek di-sandang-nya dak ORANG GAJI.

Watak utama-nya lah melambangkan s sunti yang mengabd sebagai orang gaji kap zid dan isteri-nya (Sa ku majikan-nya.

Sa-bagai orang ga tiasa patoh dan taat juga arahan yang di pada-nya, mahu pun juga yang di-suroh bu kan-nya itu sendiri. Sa'adiah.

AWDA sekalian, kini tiba-lah kita kapada ranchangan UJI-LAH BAHASA KITA siri yang terakhir. Dalam ranchangan perengkat akhir ini kita akan mengikut perlawanan di-antara Maktab Anthony Abell dari Seria bertemu pasokan dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, dari Daerah Tutong. Kedua2 pasokan ini ia-lah pasokan yang berjaya melayakkan diri mereka ka-perengkat akhir. Jika awda pelajar ingin tahu pasokan yang berjaya mengalahkan lawan-nya jangan lupa ikuti-lah ranchangan ini pada hari Jumaat 24hb Julai jam 10.30 pagi.

ZAKAT: Sengsara dan azab bagi mereka yang tidak mengeluarkan-nya

KITA telah terangkan serba sedikit mengenai zakat firah, ia-itu yang dinamakan juga zakat jiwa, untuk membersihkan diri dan jiwa orang2 Islam.

Kemudian mari-lah pulalah kita masuk kepada bahagian zakat harta, ia-itu zakat yang di-keluarkan menurut ukuran yang tertentu yang wajib di-keluarkan apabila telah sampai nisab-nya.

Firman Allah Taala dalam Surah At-Taubah ayat 102 yang bermaksud:

"Ambil-lah ya Muhammad! sa-bahagian daripada harta mereka untuk di-jadikan zakat, bagi menyucikan dan membersehhkan diri mereka dengan-nya."

Apa-kah jenis2 harta yang wajib di-zakat itu? Jawab-nya ada beberapa jenis harta seperti di-bawah ini:

Pertama: Binatang2 ternak, ia-itu unta, sapi atau kerbau, kambing, biri2 atau kibas.

Kedua: Tanaman2 dan buah-buahan yang mengenyangkan, seperti padi, gandum, tamar dan lain2.

Ketiga: Emas dan perak.

Ke-empat: Harta benda perniagaan.

Ke-empat2 jenis harta yang di-sebutkan ini, wajib di-keluarkan zakat-nya setelah cukup nisab. Tidak boleh di-tanggoh atau ditahan2. Wajib di-keluarkan kadar yang tertentu yang telah di-tentukan oleh shara'. Mengeluarkan zakat harta ini bermakna membersehhkan harta itu sendiri. Sangat besar hikmat dan rahsia-nya. Mengeluarkan zakat daripada harta2 yang telah cukup nisab, bermakna menanam lagi keberkatan harta itu. Harta yang berkat adalah harta yang menatangkan kebajikan kepada tuan-nya. Tetapi sa-balek-nya harta yang tidak berkat, boleh membalak chelaka dan kebinasaan.

Sungguh pun barang-

kali kita susah hendak membutirkan jenis2 keche-lakaan itu, tetapi ini tidaklah tersembunyi 100%, bahkan kadang2 ia nampak juga kepada kita ketika kita di-atas dunia ini lagi.

Umpama-nya beberapa banyak kesah2 orang berharta yang di-sengsarakan oleh harta-nya sendiri, samada ia-nya itu orang Islam atau pun bukan, mereka kadang-kala lebeh sengsara daripada orang2 yang tidak berharta.

Dan itu, baharu-lah cherita di-dunia, betapa pula khabar di-akhirat, ada-lah lebeh hebat lagi.

Firman Allah Taala dalam Surah At-Taubah ayat 34-35, yang bermaksud: "Dan orang2 yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkan-nya pada jalan Allah, maka beritahu-lah kepada mereka, bahawa mereka akan mendapat seksa yang pedih, ia-itu yang di-punaskan emas dan perak itu dalam neraka jahanam, lalu di-bakar dengan-nya dahi mereka, rusak dan ponggong mereka seraya di-katakan kepada mereka: ini-lah harta benda kamu yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, maka rasakan-lah sekarang akibat dari apa yang kamu simpan itu."

Dalam hal ini, elok-lah kita sebutkan satu hikayat 16 yang terjadi di-zaman sahabat Ibnu Abas r.a. Hikayat tersebut menceritakan tentang sa-orang laki2 yang mempunyai banyak harta, apabila ia meninggal dunia, maka kubor untok-nya pun di-gali orang-lah. Sa-baik2 sahaja kubor itu di-gali, maka kedapatan di-sana ada sa-ekor ular yang sangat besar. Lalu perkara ini di-sampaikan kepada Ibnu Abas, dan beliau menyuruh supaya di-gali kubor yang lain. Tetapi apabila di-gali, ular yang sa-rupa maseh ada lagi. Sa-hingga-lah tujuh kubor telah di-



gali, ular yang sa-rupa maseh ada juga.

Kejadian ini menghairankan orang ramai pada masa itu, dan juga Ibnu Abas sendiri. Lalu bertanya-lah beliau kepada ahli keluarga si-mati, apa-kah yang telah di-lakukan-nya dalam masa hidup-nya? Ahli si-mati memberitahu: Bahawa si-mati ada-lah orang yang tidak mengeluarkan zakat dalam masa hidup-nya. Begitu-lah hikayat pertama.

Hikayat kedua: Al-Imam Al-Ghazali ada menceritakan tentang sa-kumpulan para tabien yang datang berziarah kepada sa-orang yang bernama Abi Sinan. Abi Sinan telah mengajak pula kumpulan ini supaya berziarah ka-rumah sa-orang jiran-nya yang baru saja kematian saudara-nya, dengan tujuan untuk menyampaikan ucapan takziah kepada jiran-nya itu.

Mereka pun pergi-lah, dan apabila sampai, mereka mendapati yang si-jiran maseh menagis tidak berhenti-henti. Abi Sinan dan kumpulan-nya pun menguchapkan takziah serta menaseharkan-nya supaya bersabar. Tetapi si-jiran terus menagis, tidak mengindahkan kumpulan yang datang itu.

Melihat ini, mereka merasa hairan. Lalu berkata-lah salah sa-orang daripada mereka dengan chara menyindir: Wahai saudara! Apa-kah saudara tidak tahu, bahawa mati itu suatu jalan yang mesti di-tempoh oleh sa-tiap orang? Menjawab orang itu: "Ya, benar! Tetapi saya menagis saudara itu, kerana ia di-azab siang dan malam di-dalam kubor-nya."

Bertanya kumpulan Abi Sinan: "Bagaimana-kah saudara tahu semua itu? Ada-kah Allah telah membukakan kepada saudara perkara2 yang ghaib?"

Menjawab orang itu: "Tidak! Saya sendiri yang turut mengubor mayat-nya telah menyaksikan sa-suatu. Sa-telah tanah di-ratakan, dan orang ramai pulang ka-rumah masing2, sedang saya terus tinggal di-situ sa-orang diri. Tiba2

saya mendengar suara dari dalam kubor. Suara itu berbunyi: Alang-kah sampai hati kamu meninggalkan aku keseorangan. Aku sedang di-azab, padahal aku juga berpuasa dan sembahyang."

Menambah sa-terus-nya orang itu: "Hati saya sangat rawan dan kasehan dan mendingar suara itu. Lalu saya gali tanah hendak tahu apa yang sa-benar-nya. Tiba2 saya melihat api, dan melihat di-tengkok mayat itu ada rantai daripada api.

Oleh kerana dorongan kasah sayang bersaudara, lalu saya hulorkan tangan saya hendak membuka rantai di-leher-nya, tiba2 api menyambar, hingga terbakar tangan saya. Dan kemudian mayat itu pula mengeluarkan tangan-nya yang kelihatan hitam kerana terbakar. Saya pun timbus sa-mula dan ber-

edar dari situ. Jadi bagaimana-kah saya tidak menagis mengenangkan kejadian ini?"

Jemaah Abi Sinan pun bertanya kepada orang ini, apa-kah yang telah di-buat oleh si-mati saudara-nya itu, ketika maseh hidup di-dunia? Orang itu menjawab: bahawa perbuatan derhaka yang paling ketara saudara-nya itu, ia-lah tidak mahu mengeluarkan zakat harta2-nya.

Kesah2 ini bukan-lah kesah2 yang di-perolehi dari mulut ka-mulut orang kebanyakan, atau nilai-nya dengan cherita2 pendek dan lain2. Tetapi kesah2 ini bersumber dari kalangan para tabien yang di-tukil oleh ulama2 yang muktabar, seperti Al-Imam Al-Ghazali dan Al-Alamah As-Sheikh Abdul Rahman As-Safuri As-Shafie di-dalam kitab2 mereka masing2.

Mereka bukan menchip-

ta, tetapi menukil daripada orang terdahulu, yang telah teruji keimanan dan ketakwaan-nya. Kerana itu-lah, kesah2 ini, tidaklah patut di-ragukan. Lagi pun sandaran-nya ada-lah kuat, terbayang daripada amaran2 di-dalam Al-Kor'an dan hadith2 Nabi s.a.w. berhubung dengan orang2 yang engkar mengeluarkan zakat.

Maka dari itu, ada-lah kesah2 begini, tidak shak lagi, menjadi berita gembira kepada orang2 yang taat, yang menunaikan amanah membersehhkan harta-nya dengan mengeluarkan zakat, ia-itu satu2-nya hak Allah Taala yang mesti di-tunaikan. Sementara itu pula, kesah2 ini juga tentu-lah merupakan berita malang bagi orang2 yang bakhil, yang berani menggelapkan hak Allah Taala dengan melarikan diri dari zakat.

Melengkapkan budi pekerti yg baik kepada anak2 ada-lah tugas mulia



KETAHUI-lah oleh kita bahawa melengkapkan anak2 dengan budi pekerti yang baik dan terpuji, ada-lah satu tugas yang amat perlu dan terpenting untuk kebahagiaan sa-seorang anak itu. Anak2 itu ada-lah amanah Allah untuk kedua ibu-bapa, di-mana hati-nya ada-lah di-ibaratkan laksana mutiara yang indah, bersej lagi berharga.

Ia akan menerima apa saja yang di-beri kepada-nya dan chondong kepada apa yang menarek kepada apa yang menarek kepada-nya. Tegas-nya, jika-lah anak2 itu di-ajarkan untuk melakukan perkara2 yang baik, insya Allah sa-hingga dewasa ia tetap berada di-dalam keadaan yang sejahtera dan akan berbahagia-lah hidup-nya di-dunia dan akhirat.

Sa-balek-nya, jika-lah anak2 itu di-biasakan untuk melakukan perbuatan2 yang jahat dan di-chuailah perhidupan makhlok yang terbiar, tentu sa-kali anak2 itu akan menjadi rosak binasa dan sa-terus-nya kehidupan masa hadapan-nya pun akan menjadi pudar dan tanpa mempunyai matalamat yang tertentu.

Jadi segala dosa2 yang telah di-lakukan oleh anak2 itu tadi akan juga turut terpicul ka-atas pundak ibu-bapa-nya atau pun wali-nya lantaran kelalaian ibu-bapa melaksakan amanah Allah itu. Dalam hal ini Allah s.w.t. ada berfirman di-dalam surah At-Tahrim: ayat 6 yang kira2 bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, PELIHARA-LAH diri-mu dan keluarga mu dari Api Neraka."

Berdasarkan kepada firman tersebut, ada-lah jelas kepada kita umat Islam khusus-nya ibu-bapa sekalian, supaya akan dapat memimpin diri-nya serta keluarga-nya, istimewa sa-kali anak2-nya untuk melakukan perkara2 yang diperintahkan oleh Allah. Dan dalam mendidik anak2, perkara yang utama yang wajib di-tunai-kan-nya ia-lah mengasah akhlak dan budi pekerti anak2 tersebut, serta tidak akan membiarkan anak2 itu berchampur-gaul dengan kawan2-nya yang mempunyai perangai atau kelakuan yang jahat, kerana di-takuti pengaruh atau kuman2 jahat itu nanti akan dapat menjangkiti anak2 tersebut.

Di-dalam semua perkara ini, ada satu perkara yang sangat2 lumrah di-lakukan oleh para ibu-bapa, ia-itu membiasakan anak2 dengan kesenangan yang berlebeh-lebehan atau pun mengikutkan kemahuan anak2 dalam serba-serbi kemewahan dan perhiasan diri. Perbuatan2 ini kalau-

lah kita selideki dengan kajian yang mendalam, ia-nya ada-lah satu perbuatan yang boleh merosakkan MENTAL anak2 itu, kerana, kalau-lah anak2 itu di-biasakan dengan keadaan yang sa-begitu rupa, sudah tentu nanti ia-nya akan menular dan amat sukar untuk di-kawal, akhir-nya para ibu-bapa-lah juga yang akan menerima akibat-nya.

Jadi sa-bagai pemimpin2 yang memikul amanah Allah s.w.t. para ibu-bapa hendak-lah tahu mempertimbangkan di-mana-kah perkara yang sesuai di-lakukan dan di-mana-kah perkara yang wajib di-tinggalkan. Kerana anak2 sa-waktu kecil-nya ada-lah di-ibaratkan seperti rebong buloh yang boleh di-lentor2 atau di-gaya-gayakan menurut kemahuan orang tua-nya. Kalau-lah orang tua-nya menghendaki ia bulat, maka ia akan bulat-lah ia, dan jika ia di-kehendaki bujur, akan bujur-lah ia menurut lenturan yang di-kehendaki.

Dari itu ada-lah jelas kepada kita bahawa melengkapkan anak2 dengan budi pekerti yang baik serta pendidikan yang sempurna itu ada-lah satu tanggung-jawab yang terpenting dan ia-nya juga ada-lah satu tugas yang mulia di-sisi Allah s.w.t. dan Allah tetap akan mengurniakan ganjaran pahala yang tidak ternilai banyak-nya kepada para ibu-bapa yang menunaikan tugas2-nya dengan penoh rasa kasah sayang terhadap anak2-nya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb Julai, 1981 hingga ka-hari Selasa 28hb Julai, 1981 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22hb Julai		12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
23hb Julai		12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
24hb Julai		12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
25hb Julai		12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
26hb Julai		12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
27hb Julai		12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
28hb Julai		12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

NASEHAT KAPADA ORANG2 ISLAM DALAM PERKARA BERBAGAI2 ISM, MAZHAB DAN IDEOLOJI (III)

SIRI KE-89

Penyebaran fikiran Darwin :

DALAM buku PROTO-KOLAT HUKAMA SAHYUN (Protokol Bijak pandai Yahudi) di-sebutkan bahawa "Darwin bukan bangsa Yahudi, tetapi kita tahu bagaimana menyebarkan fikiran2-nya dengan chara meluas; dan bagaimana menggunakan fikiran2 itu bagi meruntuhkan agama."

Seterusnya di-sebutkan lagi dalam buku tersebut: "Wajib-lah kita bekerja bagi meruntuhkan akhlak di-mana2 saja supaya mudah kita menguasai tempat2 itu. Bahawa Fried itu dari bangsa kita, dan dia sentiasa akan mendedahkan hubungan2 jenis kapada ramai dengan terang2 seperti chahaya mata hari bersinar supaya jangan tinggal lagi pandangan muda-mudi sa-suatu pun pada perkara yang di-angap suci, bersih dan tiada luhah; dan menjadikan mereka itu leka dan segala hemah serta fikiran mereka sa-mata2 di-tumpukan pada memenohkan shahwat jantina mereka, maka ketika itu runtuh-lah akhlak."

Renongkan :

Kita kata, chuba-lah tuan2 semak benar2 akan ibarat yang terkandung dalam buku bijak pandai orang2 Yahudi itu dan renongkan dengan kejadian yang berlaku di-sekitar kehidupan dan perangai manusia hari ini. Itu-lah jamum fitnah yang di-tanamkan dari semenjak beberapa lama sa-bagai api dalam sekam.

Buku tersebut menambah: "Sa-sungguh-nya kita telah merancang kejayaan Darwin, Marks dan Netch dengan menyebarkan fikiran2 serta pendapat mereka. Bahawa kesan yang menjahanam ka-atas akhlak dan perangai yang telah di-buat oleh ilmu pengetahuan mereka itu dalam fikiran lain2 bangsa sa-lain dari bangsa Yahudi ada-lah sangat nyata kapada kita dengan tiada shak lagi."

Demikian itu-lah chita2 Free Massion dan sekutu2-nya. Mereka telah berjaya menjahanamkan akhlak umat Eropah dan Amerika dengan berbagai2 hiboran, dadah, lachor dan sa-bagai-nya.

Dari Kera dan Monyet :

Darwin mengatakan bahawa "manusia itu jadi dari kera dan monyet." Dengan itu dia telah menjadikan manusia itu lebih rendah dan lebih sesat serta hodoh dari lain2 binatang.

Nyata-nya fikiran tersebut ada-lah kufur, sesat dan berlawanan dengan firman2 Allah di-dalam Al-Kor'an.

Lalu kemudian datang pula Karl Marks mentafsirkan kehidupan manusia itu dengan memandang dari segi kehaiwanan-nya. Lalu, menurut-nya, sejarah manusia itu ia-lah suatu sejarah sa-mata2 mencari makanan, yakni hajat yang sangat mendesak itu memaksakan manusia berjuang dalam kehidupan-nya.

Maka menurut Marks, hasil kebendaan itu ia-lah menolong manusia pada mengujudkan dan pada mengadakan semangat dan perasaan-nya. Yakni nilai2 rohani itu suatu benda yang tiada ada hakikat pada diri-nya, chuma yang ada lembaga kebendaan bagi kehidupan dan bagi manusia itu.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Ashar dan U. Cairo, Mufi

Lihat, betapa kufur-nya kata2 daripada orang yang mulhid seperti Karl Marks itu.

Pendapat2 Darwin mengenai manusia itu terus menerus di-gunakan oleh Karl Marks pada menegaskan bahawa tidak ada pada manusia itu nilai2 rohani, dan nilai2 rohani itu tidak ada hakikat, sentiasa berubah2 dan berkisar ia-itu tiada tetap pada suatu keadaan.

Menurut-nya lagi: "Apa yang nampak sekarang sa-suatu sifat kebaikan itu hanya-lah suatu bayangan dari perubahan ekonomi yang bersifat kebendaan dan hasil dari benda2 kebendaan yang tertentu. Perubahan menjadi burok atau jahat itu ada-lah dengan sebab perubahan ekonomi, yang mana perubahan kebendaan dan hasil dari kebendaan itu ada-lah hakikat, bukan agakan!"

Anggapan terhadap agama dan sex :

Maka (berdasarkan fikiran2 sa-demikian) berugama itu di-angap mereka suatu kelebihan dan baik hanya dalam zaman fendalisme, sedang dalam zaman

perindustrian ia di-angap kuno, mundur dan lapok. Sa-balek-nya tiada berugama dan ingkarkan Allah hal yang baik.

Begitu juga kesuchian itu telah di-angap suatu sex, ia di-angap baik hanya oleh orang2 di-zaman fendalisme sementara di-kalangan orang2 di-zaman perindustrian yang pesat berubah2 dan bertukar2 maka kesuchian sex itu di-kira suatu senda gurau yang mentertawakan orang. Ini ia-lah kerana perempuan sudah bebas dalam lapangan mata pencharian di-mana lelaki tidak lagi menanggung nafkah perempuan supaya lelaki itu jangan merendah2kan perempuan 'dengan di-minta menjadi orang yang bersih suci dalam perasaan dan kelakuan-nya.' Dan lelaki juga telah bebas dari segala belenggu di-mana tiada-lah mesti suci bersih dalam perasaan dan kelakuan-nya.

Semua ini kerana kapitalisma di-Barat dan komunisma di-Timor tidak menghairan sama ada manusia itu bersih dan suci atau luhah dan fasik.

WALLAHU A'ALAM.

(Bersambung)

Majlis Tadarus di-sana sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejak bermulanya lagi bulan Puasa yang jatuh pada hari Sabtu yang lalu, majlis bertadarus dan sembahyang tarawikh telah bergema di-setiap masjid2, surau2, balai2 ibadat dan di-rumah2 di-sepanjang malam setelah selesai sembahyang Fardhu Isha.

Di-antara tempat2 yang sedang mengadakan majlis sa-umpama itu termasuklah di-Masjid Mohammad Bolkiah di-Kampong Serusop, di-Balai2 Ibadat Kampong Sumbiling dan Kampong Belimbing serta di-Kampong Sungai Si-

Amas di-Kampong Ayer yang kesemua-nya terletak di-Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu, majlis yang sama juga telah di-langsungkan di-Surau Maktab Perguruan Agama Seri Begawan yang dianjurkan oleh penuntut2 Maktab dan guru2 Uqama Daerah Brunei dan Muara. Majlis bertadarus ini akan berjalan sa-lama sembilan belas hari yang telah bermula pada 7hb. Julai yang lalu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uqama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj. Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Timbalan Pengetua, Awg. Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pegawai Uqama Kanan, Awang Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim serta guru2 uqama dan penuntut2 maktab tersebut telah menghadiri majlis itu.

Majlis yang sa-rupa juga telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kampong Belais di-Daerah Temburong ia-itu bagi penduduk2 Kampong Belais dan Buda Buda serta sekitar-nya.



PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Uqama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain (no. 3 dari kiri), dan Timbalan-nya Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim turut hadir di-majlis bertadarus anjoran penuntut2 MPUSB dan guru2 uqama Daerah Brunei-Muara.

ntisari RTTB inggu ini

an minggu ini DANG DENGAN OMATO SOS

besar
kecil
bawang
garam
gula
chuka puteh
Bras Samsu (untuk orang bukan
Islam sahaja)
nos tomato
Perrine Ketchup
tepong jagong
laga (bijan) dan lada sulah

laki udang dan sedikit di-hujung kepala
dan taroh sedikit garam.
ual dan masokkan minyak untuk meng-
nyak 2 atau 3 chawan.
ang sa-bingga masak (garing) dan taroh
gan.
tumis halia dan bawang dan masokkan ayer,
dan bahan2 yang lain.
mendidih masokkan udang goreng tadi dan
2 sa-hingga masak.
lah udang yang sudah masak di-atas
stok di-hias.

"ORANG GAJI"

ad Timbang

Kerap kali Zainab di-maki ha-
n, di-herdek oleh majikan-nya Sa'a-
h, namun Zainab tetap tabah juga
menghadapi segala-nya itu. Akan tetapi
ad sa-laku sa-orang suami menaruh
perasaan simpati atas beberapa perbuat-
yang terlanjur yang telah di-lakukan
isteri-nya terhadap Zainab. Di-
Zainab sendiri pernah mencerita-
kesah hidup-nya sa-laku anak tiri
yang selalu di-hamba abdikan, dan tak
bairan-lah bagi Zainab mendengar maki
tanas dari Sa'adiah itu.

Perasaan chemburu pula timbul da-
lam diri Sa'adiah terhadap Zainab di-atas
kebaikan suami-nya Yazid kepada Zai-
nab, meski pun Zainab tidak ada me-
naroh perasaan terhadap suami-nya.

Apa-kah kesudahan Zainab sa-laku
orang gaji dalam cerita ini? Timbul-
ah kesedaran Sa'adiah akan apa yang
di-lakukan-nya ka-atas Zainab itu? Ba-
gaimana-kah pula pendirian Yazid sa-
laku sa-orang suami? Dan di-mana-kah
tebenaran prinsip hidup buat baik ber-
ada2, buat jahat jangan sekali itu?

Namun kesemua-nya ini akan ter-
jawab, bila awda pendengar dan peminat
Ranchangan ini mengikuti siaran-nya
yang akan ka-udara puada hari Ahad
26h Julai, 1981, jam 12.00 tengah hari.

Drama minggu ini akan di-terbitkan
Awang Mohd Ali Majid.

Siaran liputan TV bagi Istiadat Perkahwinan Diraja Inggeris YTM PRINCE OF WALES dengan YM LADY DIANA SPENCER



PRINCE of Wales dan Lady Diana Spencer di-hadapan Istana Buckingham sa-telah pertunangan-nya di-umomkan dengan rasmi-nya oleh DYMM Baginda Queen Elizabeth dan Duke of Edinburgh pada 24hb Februari lalu.

BERITA2 yang telah lama kita dengar mende-
nai perhubungan antara Yang Teramat Mulia
Putera Charles (Prince of Wales) bakal me-
warisi takhta Kerajaan Inggeris dengan Yang
Mulia Lady Diana Spencer akan menjadi penoh
kenyataan, apabila berlangsung-nya kelak Isti-
adat Perkahwinan Diraja Inggeris itu pada
hari Rabu depan, 29hb Julai, 1981.

Persediaan2 bagi istiadat itu telah bermula
sejak pertunangan mereka di-umomkan lima
bulan lalu. Istiadat kemunchak akan berlang-
song di-Gereja Besar St. Paul, London dengan
Putera Charles di-apit oleh dua orang adinda-
nya Putera Andrew dan Putera Edward semen-
tara Lady Diana akan di-apit oleh ayahanda-
nya Earl Spencer. Ada-lah di-anggarkan ham-
pir 3,000 orang dhafi kenamaan dari dalam
dan luar negeri akan hadir.

Perarakan diraja itu akan bergerak dari
Istana Buckingham ka-Gereja Besar St. Paul
melalui jalan bersejarah yang telah berkurun
lama-nya menghubungkan antara Westminster
dengan Kota London. Bagi penyerikan lagi
perarakan diraja, anggota2 angkatan bersen-
jata akan berdiri di-sepanjang jalan dari Mall
melalui Trafalgar Square, di-sepanjang Strand,
Fleet Street dan ka-Ludgate Hill.

Dengan kerjasama berberapa pehak, Radio
Taliwishen Brunei berpeluang menyiarkan Isti-
adat Perkahwinan Diraja itu pada hari yang

sama dari liputan langsung yang di-terima me-
lalui satelit Brunei di-Telisai.

Menurut penerbit-nya Hanafi Joffri, baha-
wa siaran liputan istiadat tersebut pada jam
10.00 malam hari itu akan di-dahului dengan
sa-buah filem 12 minit mengenai perhubungan
antara Putera Charles dan Lady Diana sa-
bagai intro supaya penunton akan mengetahui
leboh dekat lagi serba sedikit akan latar belak-
ang dan kegiatan2 kedua bakal mempelai Di-
raja itu. Liputan talivishen dari Kota London
itu juga akan memberikan peluang kepada
kira2 500 juta orang di-seluruh dunia untuk
menyaksikan istiadat bersejarah itu.

Putera Charles akan berusia 33 tahun men-
jelang 14hb Nobember tahun ini sementara
Lady Diana ketika ini berusia 20 ta-hin.

Menurut sejarah bahawa Lady Diana adal-
ah dari rumpun bersama keturunan dengan
Putera Charles melalui King James I. Mene-
rusi ranting keluarga perempuan Spencers
juga berketurunan dari King Charles II, be-
gitu juga dari anak perempuan Duke of Mal-
borough yang pertama yang berketurunan dari
Sir Winston (Spencer) Churchill.

Bagi negara Inggeris, ini ada-lah merupa-
kan Istiadat Perkahwinan Diraja sa-orang
Prince of Wales yang pertama sejak tahun
1863, dan Lady Diana Spencer kelak akan
menjadi Princess of Wales yang pertama.



KAMPONG TERPUJI

DALAM beberapa sir
Ranchangan Kam-
pong Terpuji yang lalu
awda pendengar sudal
pun mengikuti dalam
berbagai bentuk per-
sembahan, perkembangan
mahu pun kemajuan da-
lam sa-suatu bidang yan
telah di-chapai dari sa-
tiap kampung yang iku
menyertai dalam siran
changan ini. Sama ada ia
nya berchorak ekonomi
kegiatan2 keugamaan, ke-
senian dan kebudayaan
dan sa-bagai-nya.

Dari situ awda pe-
dengar dan peminat ra-
changan ini akan dap
menjadikan titek-tol:
yang awda sendiri sudi
dapat membandingkan sa-
jauh mana-kah aneka pe-
kembangan dan kemaju-
yang telah di-chapai ol-
sa-tiap anak buah kam-
pong itu. Setidak2-n
awda akan dapat membi-
ramalan atau target se-
diri, kampung mana-k
yang akan berjaya sa-ba-
satu penghargaan menj
KAMPONG TERPU-
bagi negeri kita Brunei

Namun begitu awda, l
ini Pengurus Penerbi
Ranchangan (Radio), A
Stewart Wavell bersa
Pengelola Ranchangan
nan, Haji Ramlee
Haji Md Said telah s
pat mengunjongi K
pong Kuala Balai,
Belait untuk meninjau
berapa aspek di-kamp
tersebut.

Untuk mengetahui
kah isi ranchangan kali
awda jangan lupa u
mengikuti siaran-nya
akan ka-udara pada
Ahad 26hb Julai, 1
jam 2.00 petang.



ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN :

Mulai 15hb Julai 1981
Siaran Melayu Radio
Brunei akan bermula dari
jam 6.00 pagi terus-
menerus hingga jam 10.30
malam sa-tiap hari.

TIAP2 HARI :

6.00-6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02-6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30-8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa
Inggeris
12.00-12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mem-
persembahkan lagu stereo)
kechuali hari2 Khamis, Ju-
maat dan Ahad.

7.30 malam dan
1.00 tengah hari : Majallah Radio, siaran asal
dan ulangan (kechuali hari
Khamis)
6.00 petang : Siri Muktaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunai-
kan sembahyang Fardhu
Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 " Do'a Restu
10.29 " Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA :

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
3.00 petang (tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan
Ahad)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun
Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar (tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad)
Maghrib
Isha.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara
dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan
Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan
Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan
Tutong dan Belait.

Hari Rabu 22hb. Julai

PAGI :
8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar (SU)

T/HARI :
1.30 Persembahan-ku

PETANG :
2.00 Untok Belia
2.30 Chitra Irama (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang Saloma
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai

MALAM :
7.00 Asli Rama
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

Hari Khamis 23hb. Julai

PAGI :
8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu Kanak-Kanak
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
12.00 Sajian Tengah Hari
1.30 Chitra-wara

PETANG :
2.00 Ira Kenchana
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai

MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Lagu2 Lama
9.45 Hidayat.

Hari Jumaat 24hb. Julai

PAGI :
8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Uji-lah Bahasa Kita
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masyarakat

TENGAH HARI :
12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :
2.00 Ruangan Ketani
2.30 Persembahan Lagu2 Ghazal

3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Ira Kenchana
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai.

MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Kampong Ugama (SU)
9.00 Majallah Ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

Hari Sabtu 25hb. Julai

PAGI :
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Hiboran Ranchak
10.30 Rampa Sari
11.30 Lagu Kanak-Kanak
11.45 Varia Peristewa (SU)

T/HARI :
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG :
2.00 Permintaan Hujung Minggu
3.15 Anika Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai.

MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan (SU)
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU).

Hari Ahad 26hb. Julai

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Pop Minggu Ini
11.00 Senandung Seloka
11.30 Suara Kugiran

T/HARI :
12.00 Sandiwara Radio (Orang Gaji)
12.32 Segar dan Ranchak
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG :
2.00 Kampong Terpuji
(Kampong Kuala Balai Ulu Belait)
2.30 Gema Ria/Persembahan-ku
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan/Lagu2 Hiboran
5.00 Sharikat Kerjasama
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai.

MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Sukaramai.

Hari Isnin 27hb. Julai

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Senandung Seloka

PETANG :

2.00 Sharikat Kerjasama (SU)
2.30 Kenangan Mengusik Jiwa
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian dan Perikanan (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai.

MALAM :
7.00 Rampaian Malam
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

Hari Selasa 28hb. Julai

PAGI :
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Untok Mu Puan
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU).

T/HARI :
1.30 Lukisan Masyarakat.

PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Uji-lah Bahasa Kita (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Nekmat Berpuasa
Menjelang Sungkai.

MALAM :
7.00 Gema Silam
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.
8.15 Just A Minute
8.45 John Fox Presents
9.30 BBC Scottish Orchestra

Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time : Napoleon and
Josephine

Saturday

P.M.
8.15 Melody Time
8.45 Two Away For No
9.30 Frank Muir Goes Into

Monday

P.M.
8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A
Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

Tuesday

P.M.
8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except
holidays

P.M.
8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Three Ladies In Stereo

P.M.
12.45 The Palm Court Trio
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 Three Ladies In Stereo
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

THIRTY-MINUTE THEATRE at 9.30
pm on Monday is a comedy called "Win-
ner Takes The Kitty." Three men burst
in on a respectable first-class passenger
on a train, and insist that he joins their
game of cards.

The Stakes go higher and higher un-
til one of the new comers has only his
wife to offer ! But the tables are turned
on him in a surprising way, as you'll hear
in "Winner Takes the Kitty" at 9.30 pm
on Monday.

Sunday

A.M.
11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Books
12.00 Two Away For No
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.
TAJUL'S STUDENT NIGHT
P.M.
8.00 Local Play
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 yang berikut di-Jabatan Kerja Raya Brunei.

1. PENJALAN JENTERA BERAT:

Kelayakan2 dan Pengalaman: Mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya 6 tahun mengendalikn D6 bull-dozer dan/atau Jentera Pengorek Hydraulic besar atau yang sa-banding dengan-nya yang sa-kurang2-nya 2 tahun dalam tempoh itu hendak-lah menjalankan kerja2 precision levelling atau canal cutting atau mengendalikn heavy articulated loader; atau pun 1 tahun mengendalikn combine harvester besar serta 4 tahun pengalaman dalam pengendalikn dan pemeliharaan bengkel dan jentera berat.

Tangga Gaji:

E.2-3 EB.4 — \$470-485-500-515-530-545-560-575-590-605 / EB/620-630-645-660-680-700. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. FITER JENTERA BERAT:

Kelayakan2 dan Pengalaman: Mempunyai sa-kurang2-nya 6 tahun pengalaman bekerja

di-bengkel yang mana sa-kurang2-nya 2 tahun dalam tempoh itu ada-lah dalam bahagian bull-dozer, jentera pengorek hydraulic, tractor berat beroda dan alat kelengkapan ladang yang berat. Pemohon2 yang berjaya menamatkan kursus yang bersesuaian dari Sekolah Pertukangan atau yang sa-banding ada-lah suatu kelebihan.

Tangga Gaji:

